

# Mati di dasar lagun

Ribuan ikan terdampar selepas kemarau teruk melanda Mexico



IKAN mati berlonggok dalam lumpur retak di dasar tasik.

AFP

Mexico Ánáhuac, Mexico

Ribuan ikan mati apabila sebuah lagun di utara Mexico kering sebahagiannya di tengah-tengah kemarau

yang melanda negara itu.

Paras air di Lagun Bustillos susut hingga bawah 50 peratus daripada paras air biasa, kata pihak berkuasa tempatan pada Rabu.

Ini bermakna bahan pencemar lebih tertumpu dan berbahaya kepada spe-

sies mendiaminya.

Ikan mati berlonggok dalam lumpur retak dasar tasik sejak seminggu lalu dan bau busuk menyelubungi kawasan ketika pekerja membersihkan sisa ikan.

Keadaan itu juga boleh menyebarkan penyakit.

Mexico secara keseluruhan bergelut dengan suhu tinggi, malah memecah rekod.

Pihak berkuasa kesihatan berkata, 125 terkorban dalam musim panas semasa, yang bermula pertengahan Mac lalu.

HM 14/06/24 M/S 33